571.
MAHATHIR

182

KUCHING, 30 APRIL (BERNAMA)-KESATUAN-KESATUAN GURU HARI INI DIMINTA MEMAINKAN PERANAN LEBIH BESAR DIBIDANG PROFESSION PERGURUAN DARIPADA MENUMPU PERHATIAN MENUNTUT GAJI LEBIH TINGGI UNTUK PARA AHLINYA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, MEMANDANGKAN NEGARA SEKARANG MEMERLUKAN SEGERA GURU-GURU YANG BERKELAYAKAN, WAJARLAH BAGI KESATUAN MEMBANTU KERAJAAN MENCAPAI MATLAMAT ITU.

INI DAPAT DILAKUKAN DENGAN MENGANJURKAN BERBAGAI KURSUS DAN SEMINAR DISAMPING USAHA-USAHA SAPERTI ITU YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN, KATANYA DALAM SATU MAJLIS JAMUAN YANG DIBERIKAN OLEH KESATUAN GURU-GURU SARAWAK DAN KESATUAN GURU-GURU BUMIPUTRA SARAWAK MSINI.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KEMENTERIANNYA MEMIKUL TANGGUNG-JAWAB BESAR DAN DIBEBANKAN LAGI DENGAN MASAALAH PEMBANGUNAN PELAJARAN.

BELIAU MENSIFATKAN TUNTUTAN GAJI DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN BARU OLEH KESATUAN-KESATUAN GURU DAN LAIN-LAIN SEBAGAI ''LAGU LAMA''.-BERSAMBUNG HM 1553

572.
MAHATHIR 2 (7328.)

KATANYA, PENGAMBILAN AHLI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DI SARAWAK DAN LANGKAH MENGHAPUSKAN PEPERIKSAAN DARJAH ENAM TELAH MENAMBAHKAN LAGI TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN KERAJAAN PADA KESELURUHANNYA DIBIDANG PELAJARAN.

INI JUGA MENIMBULKAN BERBAGAI MASAALAH YANG KEMENTERIAN PELAJARAN TERPAKSA SELESAIKANNYA DENGAN KERJASAMA PARA GURU.

HANYA DENGAN SEMANGAT KERJASAMA DAN PERASAAN TANGGUNGJAWAB SEMUA PIHAK, NEGARA BOLEH MENCAPAI KEMAJUAN DI BIDANG PELAJARAN SEPERTI YANG DIHARAPKAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, KEPUTUSAN MENGHAPUSKAN PEPERIKSAAN DARJAH ENAM DIBUAT WALAUPUN KERAJAAN MENYEDARI TENTANG IMPLIKASI DARI LANGKAH TERSEBUT.

INI IALAH KERANA KERAJAAN MAHU MEMBERI PELUANG KEPADA SETIAP PELAJAR MENDAPATKAN PELAJARAN MENENGAH SELARAS DENGAN DASAR PELAJARAN IAITU MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA ORANG TANPA MENGIRA KAYA DAN MISKIN ATAU KEDUDUKAN SOSIALNYA. -- BERSAMBUNG HM 1558

574.
MAHATHIR - 3 KUCHING

MENGULAS SERUAN KESATUAN GURU-GURU SARAWAK (STU) SUPAYA DIKAJI SEMULA TANGGA-GAJI GURU-GURU BESAR DAN PENGETUA SEKOLAH DR. MAHATHIR BERKATA, TINDAKAN KEMENTERIANNYA TERHADAP SOAL ITU DI SEMENANJUNG MALAYSIA TELAH MENIMBULKAN BANYAK MASAALAH BARU DARIPADA MENYELESAIKAN MASAALAH YANG ADA SEKARANG.

BELIAU MENYERU KESATUAN-KESATUAN GURU MEMBANTU KEMENTERIANNYA MENYELESAIKAN MASALAH ITU DEMI KEPENTINGAN NEGARA.

SEBELUM ITU, PRESIDEN STU, PUAN IRENE TAN MEMBERITAHU DR. MAHATHIR BAHAWA KESATUANNYA SEDANG MENJALANKAN KAJIAN DISELURUH NEGERI UNTUK MENCARI PUNCA ''KEMEROSOTAN MUTU PELAJARAN PADA KESELURUHANNYA'' BERKAITAN DENGAN LANGKAH MENGHAPUSKAN PEPERIKSAAN DARJAH ENAM.

PRESIDEN KESATUAN GURU-GURU BUMIPUTRA SARAWAK, ENCIK SULAIMAN EDI MENCADANGKAN SUPAYA PELAJARAN UGAMA DIADAKAN DISEMUA SEKOLAH BAGI MENOLONG MENGUATKAN DISIPLIN PARA PELAJAR.

BELIAU JUGA MENYATAKAN SOKONGAN KESATUANNYA TERHADAP PINDAAN AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI YANG DI-LULUSKAN OLEH PERLIMEN BARU-BARU INI. -- BERSAMBUNG HM 1602

593*
MAHATHIR 4 KUCHING

.SEMENTARA ITU, KETIKA BERUCAP DALAM SATU PERJUMPAAN ORANG RAMAI DI RUMAH BEJI, MATOP, DEKAT BETONG DALAM BAHAGIAN KEDUA, DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA KERAJAAN TELAH MENGUNTUKAN LEBIH $3.5 JUTA UNTUK MENDIRIKAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DALAM BAHAGIAN KEDUA TAHUN INI.

DARI JUMLAH ITU SEBANYAK $357,590 DIBELANJAKAN UNTUK PEMBINAAN BANGUNAN SEMENTARA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI SEBAYAU, LUBOK ANTU DAN SARATOK.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MELUASKAN

LAGI RANCANGAN KEMAJUAN PELAJARAN DI SARAWAK DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA. 183

MENGENAI BAHASA MALAYSIA, BELIAU BERKATA, IA AKAN MENJADI SALURAN PERANTARAAN BERBAGAI KAUM DI NEGARA INI.

BAGAIMANA PUN BELIAU MENGINGATKAN ADA GOLONGAN YANG MENGANGGAP BAHASA MALAYSIA KONONNYA KEPUNYAAN GOLONGAN TERTENTU DENGAN TUJUAN HENDAK MEROSAKAN SUASANA MUHIBBAH DAN HARMONI RAKYAT.

BELIAU BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PETANG INI. - BERNAMA